

DERAF TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAN PROJEK PERINTIS DASAR PENGASINGAN
SISA DI PUNCA KATEGORI PUSAT BELI BELAH
12 MAC 2016 (SABTU), 11.00 PAGI
SUNSHINE, BERTAM

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Rafique Bin Abdul Karim

Pengurus Sunshine Amanjaya Sdn. Bhd.

Ketua-ketua Jabatan

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kepada Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga staff MPSP kerana telah berusaha dengan keras dan berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa di Punca Kategori Pusat Beli Belah di Pasaraya Sunshine pada pagi ini.

Para hadirin sekalian,

Di kawasan Seberang Perai, terdapat 19 pusat membeli belah. Jika dipecahkan mengikut kawasan pula, sebanyak 5 buah adalah di Seberang Perai Utara, 13 di Seberang Perai Tengah dan sebuah di Seberang Perai Selatan. Antara pusat beli belah tersebut adalah seperti Perda City Mall, Mydin, Sunshine, Giant, Wonderfull, Sunway, Econsave, AEon Mall, Megamall Pacific, Billion, Tesco, Summit dan Aeon Big.

Dari segi implementasi kaedah pengasingan sisa di punca, pihak pengurusan pusat membeli belah perlu mewujudkan peraturan dalaman (*in house rules*) ke atas semua pemilik atau pengusaha premis perniagaan di dalamnya. Ini termasuk juga premis yang menjalankan perniagaan yang melibatkan aktiviti memasak atau menjual makanan, contohnya seperti pengusaha restoran dan *food court*.

Setelah setiap peniaga atau pengusaha dalam pusat beli belah mengasingkan sisa masing-masing, pihak pengurusan perlu menyediakan ruang atau kawasan untuk pengumpulan sisa yang telah diasingkan. Ini akan memudahkan amalan pengasingan sisa di punca bagi pengusaha/peniaga dan juga kepada pihak pengurusan pusat beli belah itu sendiri.

Seperti kita sedia maklum, pusat beli belah menjana sisa yang kebanyakannya terdiri daripada barangan yang boleh dikitar semula. Contohnya seperti kotak dan plastik. Bagi pusat beli belah yang mempunyai restoran ataupun ***food court***, sisa makanan pula digalakkan untuk dijadikan sebagai baja kompos. Terdapat syarikat swasta yang boleh mengambil sisa tersebut dan diproses untuk dijadikan baja kompos.

Di kawasan Seberang Perai, selain pasaraya Sunshine, terdapat beberapa pasaraya atau pusat membeli belah yang telah mula terlibat dalam menjalankan aktiviti kitar semula. Antaranya ialah Pasaraya Pacific di Megamall Pinang, Tesco Extra Seberang Jaya dan Sunway Carnivall Mall.

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Menguruskan sisa adalah sangat mencabar, memerlukan publisiti yang mantap dan kerjasama antara semua penduduk dan rakyat. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang pesat membangun terutamanya melalui sektor hartanah. Jumlah sisa yang dijana bertambah dari tahun ke tahun. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal. Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan

sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Kita tidak ada pilihan lain tetapi terpaksa mengubah cara hidup sekiranya inginkan pembangunan yang mampan. Amalan pengasingan sisa di punca yang telah dilaksanakan di banyak negara didapati berkesan untuk mengurangkan sisa yang di jana. Selain itu, Pulau Pinang merupakan antara negeri terkecil di Malaysia dan ini menyebabkan wujudnya persaingan untuk menggunakan tanah bagi membina tapak pelupusan baru. Disebabkan ini, Kerajaan Negeri memberi perhatian serius terhadap pengasingan sisa di punca.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32%. **Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020.** Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju **seperti Austria (63%), Germany (62%) dan Singapura sebanyak 59%.** Majlis Perbandaran Seberang Perai bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri

Pulau Pinang dalam menerajui usaha kitar semula untuk membolehkan negeri kita mencapai kadar kitar semula yang paling tinggi di negara ini. Yang paling penting adalah usaha untuk mengurangkan sisa yang dijana, kemudian mengasingkan sisa yang dijana kepada sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol, dan sisa yang tidak boleh dikitar semula iaitu sisa dapur.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Walaupun penyertaan pusat membeli belah dalam aktiviti kitar semula belum lagi secara menyeluruh, namun apabila terlancarnya projek perintis pengasingan sisa dipunca bagi kategori pusat membeli belah ini, amatlah diharapkan ia akan membawa satu impak yang besar kepada kesedaran untuk mengasingkan sisa di punca bagi setiap pasaraya atau pusat membeli belah yang ada di seluruh kawasan Seberang Perai.

Sepertimana yang telah dimaklumkan kepada saya, buat masa sekarang Pasaraya Sunshine hanya mengamalkan kitar semula untuk kotak sahaja. Tetapi proses pengasingan sisa di punca akan dibuat secara lebih

menyeluruh seiring dengan pelancaran Pasaraya Sunshine sebagai projek perintis pengasingan sisa di punca untuk kategori pusat beli-belah.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan. Empat jawatankuasa telah ditubuhkan diperingkat Negeri bagi menyokong dan menggerakkan dasar ini, iaitu Jawatankuasa Pelaksana, Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Pendidikan dan Publisiti serta Jawatankuasa Pemandu.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan; barang kitar semula kering dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Lapan kategori punca kutipan sisa telah dikenalpasti; rumah kampung, rumah taman, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bertingkat,

Kondo, Kilang, Outlet makanan/Hotel, Pusat Beli Belah dan Kompleks Kerajaan. Oleh kerana setiap satu punca kutipan sisa ini mempunyai ciri-ciri tersendiri, maka mekanisme kutipan diatur khas untuk setiap satu.

Pasaraya Sunshine dipilih sebagai tapak pelaksanaan Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa di Punca bagi kategori Pusat Beli Belah. Adalah menjadi harapan kami, tuan-tuan dan puan-puan akan memberi sokongan dan menjayakan dasar ini supaya negeri kita terus bersih dan hijau.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kerajaan Negeri kita juga telah mengubal Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah di Punca serta Undang-Undang Kecil Pelesenan kitar semula yang teliti dan menyeluruh untuk menyokong dasar ini apabila dikuatkuasakan nanti. Semua pengutip bahan kitar semula akan dilesenkan supaya aktiviti kutipan barangan kitar semula ini lebih teratur.

Selain itu, program-program publisiti dan pendidikan yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan sedang dirancang untuk dilaksanakan bagi mendidik dan memaklumkan penduduk Negeri Pulau Pinang mengenai inisiatif Kerajaan Negeri bagi melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di

Punca. Penglibatan penduduk Pulau Pinang juga amatlah diperlukan bagi memberi maklum balas untuk meningkatkan keberkesanan dasar ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Projek-projek perintis lain juga sedang dalam perancangan untuk diwujudkan di beberapa kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang merangkumi pelbagai kategori punca kutipan sisa. Ini akan dilakukan dengan kerjasama ADUN kawasan dan JKKK serta agensi-agensi lain. Projek perintis akan dipantau dan segala kelemahan akan dikenalpasti dan diperbaiki supaya pelaksanaan dasar pada pertengahan tahun ini, akan berjalan dengan lancar. Saya menyeru kepada semua pihak yang hadir pada hari ini untuk bekerja rapat bagi menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di Negeri Pulau Pinang ini. Cadangan dan pandangan daripada pihak yang terlibat dalam projek perintis seperti ini amatlah diperlukan bagi menambahbaik mekanisme kutipan sisa pepejal. Oleh itu, saya berharap kerjasama dan sumbangan dapat diberikan oleh semua pihak yang menyertai projek perintis.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan program Majlis Pelancaran Projek Perintis Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kategori Pusat Beli Belah.

Sekian, terima kasih.